



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA  
**Bahagian Kawalan Penyakit**  
Aras 3, 4 dan 6, Blok E10, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8883 4527  
Faks : 03-8888 6270  
Laman Web : www.moh.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 1 (60)  
Tarikh : Januari 2018

16

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

  
DR. NIK JASMAH IBT NIK MAHIR (MMC : 30523)  
Timbalan Pengarah UD56  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam  
Program Kesihatan Awam  
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN  
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA  
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 3/2018 (14 hingga 20 Januari 2018) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG)**  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT NO : AN 4007



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 3/2018 dari 14 hingga 20 Januari 2018)

Kes dan wabak mingguan yang dilaporkan pada minggu lepas terus menunjukkan peningkatan sejak awal Disember 2017. Oleh itu, kerjasama pelbagai pihak terutamanya masyarakat dalam membantu melaksanakan aktiviti pencegahan denggi terutama membersihkan persekitaran kediaman dan premis masing-masing. Semua anggota masyarakat perlu digerakkan untuk menjalankan aktiviti gotong royong secara berkala bagi menghapuskan tempat-tempat yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes.

Sepanjang minggu ke-3 iaitu dari 14 hingga 20 Januari 2018, sebanyak 1,153 kes Denggi telah dilaporkan, peningkatan dua (2) kes (0.2%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,151 kes. Terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 27 kes (4.8%), Pulau Pinang 10 kes (12.2%), Kedah 7 kes (28%), Perak 4 kes (7%), dan Terengganu 2 kes (66.7%). Sehingga 20 Januari 2018, jumlah kumulatif kes Denggi yang direkodkan adalah 3,338 kes berbanding 5,592 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 2,254 kes (40.3%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 43 lokaliti (13%), iaitu 369 lokaliti pada minggu ke-3 berbanding 326 lokaliti pada minggu sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 lokaliti *hotspot* yang dicatatkan yang melibatkan empat (4) buah negeri iaitu Selangor (16 lokaliti), Johor (4 lokaliti), Pulau Pinang (2 lokaliti) dan Sabah (2 lokaliti). Justeru itu,

pihak Jabatan Kesihatan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu memperkasakan aktiviti kawalan Denggi untuk mengekang penularan jangkitan yang boleh membawa kepada peningkatan kes dan lokaliti wabak.

Terdapat lima (5) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-3 yang melibatkan seorang kanak-kanak dan empat (4) orang dewasa. Ini menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak tujuh (7) kematian, berbanding 13 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak lima (6) kematian (46.2%). Tiga (3) kes lewat mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Oleh demikian, orang ramai dinasihatkan supaya segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami tanda-tanda dan gejala Demam Denggi seperti demam, sakit otot dan sendi, sakit di belakang mata serta ruam kerana rawatan awal mampu untuk mencegah kematian.

Pada tempoh yang sama juga, KKM telah menerima laporan tujuh (7) kes baru untuk Chikungunya pada minggu ke-3 dari Daerah Pasir Puteh, Kelantan, menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga 20 Januari 2018 adalah sembilan (9) kes iaitu lapan (8) kes dari Kelantan dan satu (1) kes dari Sabah. Pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 86 sampel darah di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika mendapati keputusan kesemua ujian adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**3<sup>o</sup> Januari 2018**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 3/2018  
(14 hingga 20 Januari 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 3/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 3/2017	
		Minggu 3/2018 (14 – 20 Jan 2018)		Minggu 2/2018 (7 – 13 Jan 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	10	0	15	0	4	0
2	Kedah	32	1	25	0	77	1	95	0
3	P. Pinang	92	0	82	0	269	0	137	2
4	Perak	61	0	57	0	157	0	366	2
5	Selangor	587	2	560	1	1,637	3	2,984	2
6	WP KL & Putrajaya	97	0	106	0	281	1	441	2
7	N. Sembilan	17	0	19	0	57	0	207	2
8	Melaka	10	0	13	0	34	0	137	0
9	Johor	130	1	140	0	410	1	413	2
10	Pahang	21	0	23	0	59	0	213	0
11	Terengganu	5	0	3	0	9	0	23	0
12	Kelantan	18	0	21	0	67	0	307	0
13	Sarawak	10	0	14	0	40	0	112	0
14	Sabah	69	1	77	0	225	1	153	1
15	WP Labuan	0	0	1	0	1	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,153</b>	<b>5</b>	<b>1,151</b>	<b>1</b>	<b>3,338</b>	<b>7</b>	<b>5,592</b>	<b>13</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 3/2018  
(14 hingga 20 Januari 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokality	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	23	80
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	17	69
3	P PINANG	Timur Laut	Taman Terubong Indah	16	67
4	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	10	56
5	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Taman Impian Ehsan	20	53
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desakarun Mas	13	50
7	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulau Utama_Flat Taman Pulau Utama	21	48
8	P PINANG	Timur Laut	Desa Mawar	13	47
9	JOHOR	Johor Bharu	Perjiranan 9_Tmn Air Biru	15	43
10	SELANGOR	Klang	Taman Klang Perdana ( Jln Klang Perdana 2 )	10	41
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 4 (Jln 18/47- 18/58)	9	41
12	SABAH	Tawau	Ju44 Kampung Baru Pasir Putih	17	40
13	JOHOR	Johor Bharu	Uitm Pasir Gudang	16	38
14	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Intan Lembah Jaya Selatan	5	38
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 ( Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 4 )	11	37
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	7	37
17	JOHOR	Johor Bharu	Kg Pasir Putih	11	37
18	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Cempaka (Wangi)	7	36

19	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Jalan Penghulu Bandar Mahkota Cheras	9	36
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 ( Flat E : Blok 32 - 36 )	11	34
21	SELANGOR	Klang	Meru (Jalan Prai)	5	33
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	7	33
23	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 5	14	32
24	SABAH	Kota Kinabalu	Putera Jaya Telipok	22	31